Pelita Brunei
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
KELUARAN KHAS
SEMPENA LANTIKAN MENTERI-MENTERI KABINET NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2010-2015.

Pelantikan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri

SURAT Perintah Lantikan Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri yang telah dibacakan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin bin Pengiran Paduka Tuan Pengiran Haji Abu Bakar.

LAPORAN KHAS OLEH : JAAFAR IBRAHIM,
DK. HAJAH FATIMAH PG. HAJI MD. NOOR
FOTO : RAMLI TENGAH, MASRI OSMAN,
AMPUAN HAJI MAHMUD AMPUAN HAJI TENGAH

Bismillahir Rahmanir Rahim

SEGALA puji-pujian bagi Allah seru sekalian alam, selawat dan salam ke atas Rasulullah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sekalian kerabat dan pengikut-pengikut Baginda hingga ke akhir zaman.

Surat Perintah Lantikan

Dengan kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, beta, Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian jajahan takluk rantau dan pesisirnya.

Kepada semua yang membaca kandungan Surat Perintah ini diucapkan;

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bahawasanya menurut Fasal-Fasal (3) dan (6) Perkara 4 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, adalah diperuntukkan bahawa beta boleh dengan Surat Perintah yang ditandatangani oleh beta dan dicap dengan Mohor Kerajaan melantik Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri dan hendaklah memegang jawatan bagi tempoh selama lima tahun atau tempoh lain dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh beta.

Oleh yang demikian maka hendaklah diketahui oleh semua orang bahawa beta di bawah dan menurut kuasa-kuasa dan autoriti-autoriti bagi maksud itu yang diberikan kepada beta oleh Fasal-Fasal (3) dan (6) Perkara 4 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dengan Surat Perintah ini melantik:

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien selaku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Menteri Pendidikan

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Yusof selaku Menteri Kesihatan

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku Menteri Pembangunan

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar selaku Menteri Perhubungan

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar selaku Menteri Perindustrian dan Sumber-sumber Utama

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim selaku Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng selaku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua)

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (Bersara) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar selaku Menteri Tenaga (*Minister of Energy*) di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman selaku Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdulah selaku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned selaku Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappha bin Haji Sirat selaku Timbalan Menteri Pertahanan

Yang Mulia Awang Haji Bahrin bin Abdullah selaku Timbalan Menteri Kewangan

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail selaku Timbalan Menteri Pendidikan

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Timbalan Menteri Pembangunan

Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Mulia Datin Dayang Hajah Adina binti Othman selaku Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Maka hendaklah kamu sentiasa bertakwa kepada Allah dalam menjalankan kewajipan-kewajipan kamu.

Diperbuat di Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada 26 Jamadilakhir Tahun Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Seribu Empat Ratus Tiga Puluh Satu bersamaan dengan 9 haribulan Jun Tahun Masihi Dua Ribu Sepuluh iaitu tahun yang Keempat Puluh Tiga beta di atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (atas) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien selaku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (bawah).

Pelantikan Timbalan-Timbalan Menteri

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned selaku Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (kiri) dan kepada Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappha bin Haji Sirat selaku Timbalan Menteri Pertahanan (kanan).

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah selaku Timbalan Menteri Kewangan (kiri) dan kepada Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail selaku Timbalan Menteri Pendidikan (kanan).

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Timbalan Menteri Pembangunan (kiri) dan kepada Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (kanan).

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Perlantikan kepada Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri) dan kepada Yang Mulia Datin Dayang Hajah Adina binti Othman selaku Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kanan).

MENTERI PENDIDIKAN

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong

Tarikh Lahir : 19 September 1948
Umur : 61 Tahun
Asal : Kampung Setia Pahlawan, Kampung Ayer, Bandar Seri Begawan

PENDIDIKAN AKADEMIK : Sekolah Melayu Lela Menchanai (1955 -1957); Sekolah Melayu, Sultan Muhammad Jamalul Alam (1957-1957); Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (1958 -1968); *B.A. Hons (Malaya)* 1972; Diploma *In Education (Singapore)* 1974; *Master of Arts (Lancaster)* 1980.

PENGALAMAN : Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet; Ahli Majlis Mesyuarat Diraja; Ahli Majlis Ugama Islam, Pengerusi, Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja; Pengerusi, Majlis Pelajaran Kebangsaan; Pengerusi, Majlis Universiti Brunei Darussalam; Pengerusi, Majlis Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Ahli Majlis Bencana Kebangsaan; Ahli Badan Perancana Kemajuan Jangka Panjang; Ahli Majlis Kebangsaan Mengenai Isu Sosial; Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Menangani Pandemik Influenza; Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim; *The International Academic Committee of the Oxford Centre for Islamic Studies, University of Oxford, International Advisory Council of The Markfield Institute of Higher Education,* United Kingdom; Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sejak 1 Januari 2008; Pengerusi Agensi Pelaburan Brunei sejak 22 Ogos 2008; Pengarah Urusan YSHHB (Oktober 1992 - Mei 2002); Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Berhad (IBB) (9 Julai 2002 - April 2006); Pengerusi Takaful IBB Berhad (9 Julai 2002 - 15 Disember 2009).

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Pingat Jubli Perak; Highest Awards of Soka, Universiti Jepun, 1984; Honorary Doctorate of Soka, Universiti Jepun, 1998; Doktor Pendidikan, Universiti Malaya, 1999; Ijazah Doktor Kehormat Persuratan, Universiti Brunei Darussalam, 2007; disampiri gelaran *Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja,* 25 Mei 1996; dinaikkan pangkat gelaran menjadi *Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna,* 1 April 2004.

JAWATAN DALAM KERAJAAN - Pegawai Pelajaran 1972; tenaga pengajar di Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan dan menjadi Pengetua 1974; Ketua Unit Perancangan, Kajian dan Bimbingan, Jabatan Pelajaran (1975-1980); Ketua Unit Latihan, Pejabat Perjawatan (1980-1981); Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (1981-1984); Pengarah Pelajaran (1984); Timbalan Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) (1985-1986); Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (1986-1991); Naib Canselor UBD (1991- 1999); Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Pendidikan 1999 - Mei 2002; 17 Mei 2002 sehingga 23 Mei 2005, Menteri Kesihatan; Menteri Perhubungan, 24 Mei 2005 - 28 Mei 2010; dilantik sebagai Menteri Pendidikan, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR - Menteri Perhubungan.

MENTERI PEMBANGUNAN

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman

Tarikh Lahir : 15 Februari 1952
Umur : 58 Tahun
Asal : Kuala Belait

PENDIDIKAN AKADEMIK : *Graduated from The University of East Anglia, Norwich, England In Development Studies 1975; Post Graduate Certificate of Education (PGCE) at The Institute of Education, University of London,* 1976; *Masters In Public Policy (MIPP), School of Advanced International Studies (SAIS) John Hopkins University, Washington DC,* 1986.

PENGALAMAN - Pengerusi Khas Jawatankuasa untuk meninjau mekanisme bagi zakat; Timbalan Pengerusi Majlis Universiti Brunei Darussalam; Ahli Jawatankuasa Pendidikan Tinggi Negara Brunei Darussalam; Ahli Lembaga Tabung Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim; Penasihat Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA); Penaung Kelab Tenis Brunei.

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL.

JAWATAN DALAM KERAJAAN - Pegawai Pelajaran, 1976; bertugas di Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, 1982; Timbalan Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York 1987-1991; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Perancis, 1991-1995; Pengarah Jabatan Penyelidikan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), 1996; Setiausaha Tetap di KHELN, 1998; Timbalan Menteri Pendidikan, 4 Mei 2002; Menteri Kesihatan, 24 Mei 2005 - 28 Mei 2010; dilantik sebagai Menteri Pembangunan, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR - Menteri Kesihatan.

MENTERI PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar

Lahir : 4 Mei 1954
Umur : 56 Tahun
Asal : Kampung Lurong Dalam, Kampung Ayer, Bandar Seri Begawan.

PENDIDIKAN AKADEMIK: *B.A (Hons) Economics (Stirling University, Scotland, United Kingdom,* 1979; *Diploma In Education (Institute of Education, National University of Singapore, Singapore* 1982*; M.A. International Law and Diplomacy (Fletcher School of Law and Diplomacy, Tuffs University, United State,* 1987.

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - PSNB., SPMB., PJK., PIKB. ,PKL

JAWATAN DALAM KERAJAAN - Pegawai Pendidikan (1979-1983); Pegawai Pentadbir di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) 1983 - 1987; Timbalan Pengarah Agung ASEAN, KHELN (1987-1989); Pengarah Jabatan Ekonomi, KHELN (1989-1990); Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, KHELN (1990-1992); Pegawai Pentadbir Kanan di Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (1992 - September 1997); Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (1 Oktober 1997 - 23 Mei 2005); dilantik sebagai Pengarah Biro Mencegah Rasuah sebagai tambahan kepada lantikan Setiausaha Tetap di JPM (7 Julai 1997 - 9 Mei 2000); Pengerusi Agensi Pelaburan Brunei (BIA), 22 Januari 2000 - 27 November 2001 dan Februari 2003 - 22 Ogos 2008); Ahli Majlis Mesyuarat Diraja (6 Mei 2003 hingga sekarang); Menteri Tenaga di JPM (24 Mei 2005 - 21 Ogos 2008); Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (22 Ogos 2008 - 28 Mei 2010); dilantik sebagai Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR : Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

MENTERI KESIHATAN

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adnan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof

Tarikh Lahir : 7 Disember 1952
Umur : 57 Tahun
Asal : Kampung Tamoi, Kampung Ayer, Bandar Seri Begawan

PENDIDIKAN AKADEMIK - *Bachelor of Arts (Hons) University of East Anglia, England.*

PENGALAMAN - Ahli kepada Majlis Mesyuarat Diraja; Ahli kepada Majlis Mesyuara Negara; Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; Pengerusi kepada Jawatankuasa Perancangan dan Kemajuan Perbandaran Bandar Seri Begawan; Pengerusi Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan Kampung; Pengerusi Jawatankuasa Menangani Isu Pengangguran; Pengerusi Jawatankuasa Melantik Konsultan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN); Timbalan Pengerusi (Tetap) Majlis Bencana Kebangsaan; Ahli Majlis Kebangsaan Isu Sosial; Penaung Tabung Bantuan Mangsa Banjir Daerah Temburong (Februari 2008); Penaung Bersama Jawatankuasa Tabung Bantuan Mangsa Angin Kencang Daerah Brunei dan Muara (Mei 2008); Penasihat Bersama Jawatankuasa Tabung Bantuan Mangsa-Mangsa Banjir dan Tanah Susur (Januari - Februari 2009).

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - PSNB., DPMB., SMB., PSB., PJK., PIKB., Pingat Pengisytiharan Kemerdekaan, PKL., Pingat Jubli Perak.; disampiri gelaran *Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan,* 24 April 2004.

JAWATAN DALAM KERAJAAN - Pegawai Projek Lembaga Kemajuan Ekonomi (1978 -1981); Pegawai Pentadbir 1, Jabatan Perkhidmatan Awam (1981-1982); Pegawai Pentadbir 1, Jabatan Biro Mencegah Rasuah (1982-1984); Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) (1984 -1986); Pegawai Pentadbir Kanan KHEDN (1987-1992); Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (1993 -1997); Setiausaha Tetap KHEDN dan juga Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (1 Oktober 1997-12 Julai 1999); Setiausaha Tepat di Jabatan Perdana Menteri (13 Julai 1999 - 8 Ogos 2002); Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (9 Ogos 2002 - 23 Mei 2005); Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengarah Keselamatan Dalam Negeri (26 Mei 2003 - 23 Mei 2005); Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (24 Mei 2005 -28 Mei 2010); dilantik sebagai Menteri Kesihatan, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

MENTERI PERHUBUNGAN

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar

Tarikh Lahir : 29 Julai 1951
Umur : 59 Tahun
Asal : Kampung Lurong Dalam, Kampung Ayer, Bandar Seri Begawan

PENDIDIKAN AKADEMIK - *A Fellow of The Edwards. Mason Program In Public Policy and Management at The John Fitzgerald Kennedy School of Government Harvard University,* 1993 - 1994*; Master In Public Administration, Harvard University,* 1993 - 1994*; BSc. (Hons) Electrical and Electronic Engineering University of Leeds,* 1972.

PENGALAMAN - Pengerusi Pihak Berkuasa Bagi Industri Info-Komunikasi Teknologi Brunei Darussalam (AiTi) (1 Januari 2003 - 13 Julai 2005); Presiden PUJA (Institusi Kebangsaan Bagi Jurutera, Arkitek dan Juruukur, Brunei Darussalam (Januari 2004 hingga sekarang); Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD Berhad (1 Februari 2006 hingga sekarang).

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - PSNB., DPMB., PKL.

JAWATAN DALAM KERAJAAN - Penolong Pengawal Telekom (10 Ogos 1992); Jurutera Telekom, 1 Januari 1977; Timbalan Pengarah Telekom (11 Februari 1981); Pengarah Telekom (1 April 1984); Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Perhubungan (15 Februari 1996); Pengarah Urusan DST Sdn. Bhd. (Julai 1998 - 13 Disember 1999); Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (18 September 1998); Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan (26 Julai 1999), Menteri Pembangunan (24 Mei 2005 - 28 Mei 2010); dilantik sebagai Menteri Perhubungan, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR - Menteri Pembangunan.

MENTERI KEWANGAN II (KEDUA) DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim

Tarikh Lahir : 1954
Umur : 56 Tahun
Asal : Kampung Peramu, Kampung Ayer, Bandar Seri Begawan

PENDIDIKAN AKADEMIK - *BSc. Economics (Hons) Degree, United Kingdom* 1978; *Certificate of Professional Studies, Arthur D. Little School of Management USA,* 1986*; Senior Management Programme, London Business School,* 1996.

PENGALAMAN - Ahli Lembaga Pengarah, Agensi Pelaburan Brunei (BIA); Ahli Lembaga Matawang dan Monetari Brunei; Ahli Lembaga Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - PSNB., DPMB., PIKB., PKL.

JAWATAN DALAM KERAJAAN - Pengarah Institusi Kewangan, Kementerian Kewangan, 1992; Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, 1995; Pengarah Belanjawan, Kementerian Kewangan, 1998; Setiausaha Tetap di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, 2000; Setiausaha Tetap di Kementerian Kewangan, 2001; Timbalan Menteri Kewangan, September 2004; Menteri Kewangan II (Kedua), 24 Mei 2005 - 28 Mei 2010; dilantik sebagai Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR - Menteri Kewangan II (Kedua) di Kementerian Kewangan.

MENTERI-MENTERI KABINET NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri sejurus selepas Majlis Mengangkat Sumpah di Istana Nurul Iman pada hari Rabu, 9 Jun 2010.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama Menteri-Menteri Kabinet sejurus selepas Majlis Mengangkat Sumpah di Istana Nurul Iman pada hari Rabu, 9 Jun 2010.

MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN II (KEDUA)

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng

Tarikh Lahir : 22 Januari 1944
Umur : 66 Tahun
Asal : Pekan Muara.

PENDIDIKAN AKADEMIK - *BSC. Economic (Hons), Wales, United Kingdom 1969; M.Phil Social Anthropology, London School of Economic & Political Science, United kingdom 1981; Museums Diploma A.M.A. United Kingdom 1974; Fellow Of Museum Associations, F.M.A. Fellow Of Royal Anthropological Institute, London, 1983, Honorary Fellowship, University Of Swansea, United Kingdom, 1990.*

PENGALAMAN **-** Pengerusi Lembaga Pengarah-Pengarah BSP/BLNG/BSM/BNPC, 1 September 2008; Pengerusi Lembaga Pengarah Penerbangan Diraja Brunei (RBA), 13 November 2008.
BINTANG-BINTANG KEBESARAN - PSNB.,SPMB., PJK,. PKL.

JAWATAN DALAM KERAJAAN - Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, 1 Januari 1974; Timbalan Pengarah Muzium-Muzium, 1 Januari 1980; Pengarah Muzium-Muzium, 1 Januari 1983;, Ketua Jabatan ASEAN, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), 6 Ogos 1983; Pengarah Jabatan ASEAN, KHELN, 1 Januari 1984; Pengarah Jabatan Politik, KHELN, 1 Mei 1986; Setiausaha Tetap di KHELN, 28 Oktober 1986; Menteri II (Kedua) Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, 24 Mei 2005 dan 29 Mei 2010).
JAWATAN TERAKHIR - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).

MENTERI HAL EHWAL UGAMA

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman

Tarikh Lahir : 1948
Umur : 62 Tahun
Asal : Kampung Menengah Temburong

PENDIDIKAN AKADEMIK - Sekolah Melayu Sultan Hasan, Bangar (1956-1959); Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (1959); Sekolah Arab Al-Saggaf Al-Islamiyyah, Singapura (1959); Sekolah Arab Al-Junied Al-Islamiyyah, Singapura (1960-1965); Kolej Islam, Klang, Selangor, Malaysia (1965-1968); Kolej Islam Malaya, Petaling Jaya, Selangor (1969-1970); Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Usuluddin dalam jurusan Akidah dan Falsafah, Universiti Al-Azhar, Mesir (1975-1979); Ijazah Sarjana (Pengajian Islam), Universiti Kebangsaan Malaysia (1983-1986); Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), Universiti Malaya (1987 - 1992).
PENGALAMAN - Dianugerahkan SEA WRITE AWARD oleh Kerajaan Thailand, 30 September 2008; menjadi Finalis Anugerah Kesusasteraan Islam dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Negara Brunei Darussalam, 5 November 2008.

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - DSSUB., SSUB.,SUB., PIKB., PKL., Pingat Jubli Perak.

JAWATAN DALAM KERAJAAN - Guru Ugama di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, 1971; Pegawai Ugama (1979); Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabligh (1981-1983); Pegawai Ugama Kanan (1985); Timbalan Pengarah Institut Pengajian Islam,Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) (1991); Pengarah Institut Pengajian Islam, KHEU (1996); Dekan Pertama Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (IPISHOAS), (1999-2002); Pegawai Tugas-Tugas Khas (Majlis Pelajaran Kebangsaan) Kementerian Pendidikan (2003); Timbalan Menteri Pendidikan, 24 Mei 2005 ; Rektor Sementara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), 2007; 29 Mei 2010 sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama.

JAWATAN TERAKHIR - Timbalan Menteri Pendidikan.

MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah

Tarikh Lahir : 6 Ogos 1953
Umur : 56 Tahun
Asal: Kampung Lurong Dalam, Kampung Ayer, Bandar Seri Begawan

PENDIDIKAN AKADEMIK - Sekolah Rendah Berakas; Sekolah Rendah Delmia Satu Brunei, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien; *B.A (Hons) (Politics and International Relations) di North Staffordshire Polythechnic, United Kingdom*, 31 Disember 1979.

PENGALAMAN - Kursus Diploma in Foreign Service University Oxford, London, 1985 -1986; Kursus Senior Executive Programe *London Business* School, London, 1977; Foreign Service Course Canberra, 1982; Ahli Mesyuarat Negara, 6 September 2004; Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan anak-anak Syarikat RBA, Pengerusi Jawatankuasa Pembaharuan Perkhidmatan Awam, Pengerusi Jawatankuasa Hari Perkhidmatan Awam, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif E-Kerajaan, Pengerusi Suruhanjaya Polis, Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Akta Undang-Undang Jenayah, (Tahanan Kerana Keselamatan Penggal 150) Menurut bab 10, Timbalan Pengerusi Tabung Amanah Pekerja.

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - DPMB., SMB., PSB,.,PJK., PIKB., PKL.; disampiri gelaran *Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja*, 24 April 2004.

JAWATAN DALAM KERAJAAN - Pegawai Pelajaran di Jabatan Pelajaran,1979; Pegawai Pentadbir di Jabatan Perjawatan, Pegawai Pentadbir di Pejabat Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur dan London; Pegawai Pentadbir Kanan di Pejabat Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dari 1986-1991; Pengarah Penerangan dari 1991-1996; Pegawai Pentadbir Kanan di JPM (1996 -1997); Setiausaha Tetap JPM (1 Oktober 1997-23 Mei 2005); dilantik Timbalan Menteri Kesihatan, 24 Mei 2005 - 28 Mei 2010; dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, 29 Mei 2010.
JAWATAN TERAKHIR - Timbalan Menteri Kesihatan.

MENTERI TENAGA DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (Bersara) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar

Tarikh lahir : 23 April 1956
Umur: 54 Tahun
Asal : Kampung Tongkadeh

PENDIDIKAN AKADEMIK - BSc (Hons) in Electronics, University of Wales, 12 Julai 1979; MSC Electical and Electronic Engineering, University of Loughborugh, 1 Disember 1981; certified Chartered Engineering (C Eng), Institute of Chartered Engineers, 25 Jun 1986; A Fellow of the Institution of Engineering and Technology (IET), United Kingdom, sejak 28 April 2008.

PENGALAMAN - Menghadiri Kursus, Seminar dan Bengkel di Amerika Syarikat, Australia, Jepun, Republik Singapura dan United Kingdom antara 1986 -1999.
BINTANG-BINTANG KEBESARAN - SPMB., DPMB., SMB., Grand Gordon of Istikal, Jordan; Order of Sikatuna, Republik Filipina.
JAWATAN DALAM KERAJAAN - Berkhidmat di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sebagai Leftenan, 9 November 1981; dilantik sebagai Pegawai Kejuruteraan Persenjataan di Angkatan Tentera Laut; dilantik sebagai Pegawai Kejuruteraan Kanan mengetuai Jabatan Kejuruteraan Angkatan Tentera Laut, 1 April 1988; Ketua Penyelidikan di Pejabat Menteri Pertahanan dan Pengarah Perancangan Strategik 14 September 1980; Pengarah logistik; Pengarah Keselamatan dan Risikan, 14 Julai 1985 - Disember 1998; Ahli Rasmi Majlis Mesyuarat Negara, 6 September 2004; dilantik menjadi Timbalan Menteri Pertahanan, 24 Mei 2005; 29 Mei 2010 Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri.

JAWATAN TERAKHIR - Timbalan Menteri Pertahanan.

MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman

Tarikh Lahir : 23 September 1942
Umur: 67 Tahun
Asal : Kampung Burong Pinggai, Kampung Ayer, Bandar Seri Begawan

PENDIDIKAN AKADEMIK - Sekolah Melayu Pekan Brunei 1950; Sekolah Muhammad Jamalul Alam (SMJA) 19 51-1956; Sekolah Arab Al-Juned, Singapura 1956 -1961, Kolej Islam Malaysia, Kelang, Selangor sehingga lulus Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya 1962-1967; Universiti Al-Azhar, Mesir 1968 - 1971; Lulus Ijazah Sarjana *(Islamic Legal Policy).*

PENGALAMAN - Dari awal 70-an, bersama rakan-rakan lepasan Al-Azhar telah membawakan Islam yang dinamik dan serasi dengan Brunei; mengetuai Gerakan Penerangan Kerajaan sebelum merdeka dalam mempersiapkan rakyat memahami perspektif sebenar kemerdekaan bagi Brunei.

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - PSSUB., DPMB., PBLI., PJK., PKL., Pingat Jubli Perak., Pingat Pengisytiharan Kemerdekaan; 6 November 1984 disampiri gelaran *Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib.*
JAWATAN DALAM KERAJAAN - Pegawai Ugama di Sekolah Menengah Arab, Ogos 1971; dilantik menjadi Penguasa Penerangan dan Tabligh Jabatan Hal Ehwal Ugama, 1976; Ketua Pegawai Penerangan, 1979; Pengarah Penerangan di Jabatan Setiausaha Kerajaan, 1980; Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, 1985; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Papua New Guinea (1986-1988); Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (1989-1999); Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Pemangku Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (2001-2005); dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abd. Wahab bin Juned

Tarikh Lahir : 2 Mei 1949
Umur : 61 Tahun
Asal : Kampung Setia Pahlawan Lama, Kampung Ayer, Bandar Seri Begawan

PENDIDIKAN AKADEMIK - *Bachelor of Science (Hons) in Biology - University of Salford, 10 Julai 1975; Postgraduate Certificate in Education - University of London* - 1 Ogos 1978; *Master of Science in Biology and Biological Education - University of York* , 8 Julai 1983*; M.A. in Public Policy - Universiti Brunei Darussalam* (3 Ogos 1992 - 2 Ogos 1993).

PENGALAMAN - Berpengalaman sebagai tenaga pengajar (Pegawai Pelajaran); beberapa tahun sebagai 'Personal Assistant' kepada Menteri Pendidikan dan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; sebagai Ketua Pos Agung dan Pengarah Penerangan; berpeluang untuk menerajui jabatan yang bertanggungjawab mengenai dengan kemajuan industri dan perancangan ekonomi dan berkhidmat sebagai Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri selama lima tahun; berpeluang untuk mengetahui secara lebih dekat kedudukan Perkhidmatan Awam semasa menjadi Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - DPMB., SNB., PJK., PIKB; PKL.

JAWATAN DALAM KERAJAAN - Pegawai Pelajaran, Jabatan Pelajaran (9 Ogos 1975 - 31 Oktober 1983); Pegawai Pentadbir Tingkat 1, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan (1 November 1983 - 31 Disember 1983); Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, Kementerian Pembangunan (1 Januari 1984 - 20 Oktober 1986); Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, Kementerian Pelajaran (21 - 31 Oktober 1986); Pegawai Pentadbir Kanan, Kementerian Pelajaran (1 November 1986 - 31 Disember 1988); Pegawai Pentadbir Kanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (1 Januari 1989 - 15 Januari 1995); Pengarah Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA), Kementerian Perindustrian dan Sumber Sumber Utama (16 Januari 1995 - 19 Januari 1997); Pegawai Pentadbir Kanan (Ketua Bahagian Dasar dan Pentadbiran), Jabatan BINA (20 Januari 1997 - 30 September 1997); Pegawai Pentadbir Kanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber Sumber Utama (1 Oktober 1997 - 1 Jun 1998); Ketua Pos Agung, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pos (2 Jun 1998 - 24 Mei 1999); Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan (25 Mei 1999 - 19 Mac 2000); Ketua Pengarah Sekretariat Majlis Ekonomi Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri (20 Mac 2000 - 18 April 2001); Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (19 April 2001 - 1 Mei 2004) (Bersara wajib dari Perkhidmatan dengan Kerajaan pada 2 Mei 2004), Setiausaha Tetap (berkontrak selama dua tahun), Jabatan Perdana Menteri (hanya berkhidmat mulai 3 Mei 2004 hingga 24 Mei 2005); Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (berkontrak selama lima tahun), Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mulai dari 25 Mei 2005); dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, 29 Mei 2010.
JAWATAN TERAKHIR - Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappha bin Haji Sirat

Tarikh Lahir : 4 Oktober 1957
Umur : 52 Tahun
Asal : Seria

PENDIDIKAN AKADEMIK - *BA (Hons) - Social Science.*

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - DPMB., SMB., PJK., PIKB.
JAWATAN DALAM KERAJAAN - Guru Pendidikan, Sekolah Menengah Berakas; berkhidmat dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri,1982; Setiausaha Kedua Suruhanjaya Tinggi di London, September 1985; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Republik Islam Pakistan, 18 Mac 2003 - 4 November 2004; Pengarah Am bagi ASEAN-Brunei, Pengarah di Jabatan Perancangan Dasar, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Timbalan Setiausaha II (Pembangunan dan Dasar) Kementerian Pertahanan, 25 Oktober 2004; Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, 3 Jun 2005; Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, 12 Oktober 2007; Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, 25 Disember 2008; dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertahanan, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR - Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan.

TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN

Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail

Tarikh Lahir : 2 Julai 1952
Umur : 58 Tahun
Asal : Kampung Sumbiling, Bandar Seri Begawan

PENDIDIKAN AKADEMIK - Ikhtisas Diploma Pendidikan, Unviersiti Kebangsaan Malaysia (1983); Sarjana Muda Syariah Wal Qanun, Unversity Al Azhar (1979); Kolej Islam Klang, Malaysia (1970-1973); Madrasah Al Junied Al Islamiah, Singapura (1965-1969); Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Brunei (1963-1965); Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kaula Belait (1959).

PENGALAMAN - Menghadiri beberapa persidangan di peringkat serantau dan antarabangsa seperti MABIMS, OIC, ISESCO dan IIFSO; membentangkan kertas kerja di Malaysia bertajuk "Pelaksanaan Kutipan dan Agihan Zakat – Pengalaman Negara Brunei Darussalam" (2001), Dilantik menjadi Ketua Urusetia bagi Persidangan Belia Islam Rantau Asia Tenggara dan Pasifik yang diadakan di Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Brunei Pertama (1984)

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - DSSUB., SSUB., SUB., PKL.,PJK., Pingat Jubli Perak., Pingat Pengisytiharan Kemerdekaan.

JAWATAN DALAM KERAJAAN - Pegawai Pelajaran Ugama (1979); Ketua Guru Ugama, Pusat Tingkatan Enam (1980); Pengetua Sekolah Ugama (Arab) Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (1985);Pengetua Sekolah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (1986-1990); Pengetua Ma'had Islam Brunei (1990-1992); dipinjam berkhidmat di Bank Islam Brunei (BB) (1993-1995); Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid (1995), Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (1997); Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (2003); Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (2004); Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,2005-2007; Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (2007-2010); Pengerusi Lembaga Pengarah Darussalam Holdings Sdn Bhd (DHSB) (2003-2010); Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) (2007-2010); dilantik sebagai Timbalan Menteri Pendidikan, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR - Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong

Tarikh Lahir : 19 Oktober 1958
Umur : 52 Tahun
Asal : Kampung Kuala Abang, Layong, Tutong

PENDIDIKAN AKADEMIK - *B.A Honours in Economic; MBA, Diploma in Management.*
BINTANG-BINTANG KEBESARAN - DPMB., PJK., PIKB., PKL.
JAWATAN DALAM KERAJAAN - Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, 24 September 2009; Setiausaha Tetap di Kementerian Kewangan, 21 Oktober 2004; dilantik sebagai Timbalan Menteri Pembangunan, 29 Mei 2010.
JAWATAN TERAKHIR - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA

Yang Mulia Pengiran Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar

Tarikh Lahir : 21 Disember 1963
Umur : 47 Tahun
Asal : Kampung Tasek Meradun

PENDIDIKAN AKADEMIK - Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut (1967 -1972); Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit (1973 - 1976); Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (1977 - 1979); Madrasah Al-Juneid Al-Islamiah, Singapura (1980 - 1982); (BA Usuluddin, Tafsir) University Al-Azhar, Kaherah, Mesir (1983 - 1987); *(Post Graduate Certificate of Education - PGCE)*, Universiti Brunei Darussalam (1993 - 1994); ; (MA Usuluddin, Hadith), University of Jordan, Amman Jordan (1997 - 2001).

PENGALAMAN - Tenaga pengajar di Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan (1988-1989); tenaga pengajar di Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (1989-1991); Memangku jawatan Pengetua Ma'had Islam Brunei (1991-1993).

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - SUB., PJK.
JAWATAN DALAM KERAJAAN - Januari 1988 - April 1995; Pegawai Pelajaran Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), April 1995 - Julai 2003 - Setiausaha Majlis Ugama Islam, KHEU, Ogos 2003 - Okt. 2005 - Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU; Nov. 2005 - Mei 2008 - Setiausaha Majlis Ugama Islam, KHEU; Mei 2008 - Dis. 2008 - Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Dis. 2008 - Mei 2010- Timbalan Setiausaha Tetap, KHEU; dilantik sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR : Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

TIMBALAN MENTERI KEWANGAN

Yang Mulia Awang Haji Bahrin bin Abdullah

Tarikh Lahir : 16 Jun 1961
Umur : 48 Tahun
Asal : Kampung Bukit Udal, Tutong.

PENDIDIKAN AKADEMIK - PCE Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, 'O' Level - Sekolah Menengah Tun Seri Lanang, Singapura, 'A' Level - Sekolah Teknikal *Queenstown*, Singapura, *BA (Hons) Economic - Polytechnic, Wolverhampton, England, Masters of Business Administration (MBA) Strategic Management Majoring in Finance - Stratclyde Graduate Business School, University of Stratclyde School.*

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - PSB., PJK., PIKB., PKL.
JAWATAN DALAM KERAJAAN - Jun 1983 , Pegawai Pendidikan, Kementerian Pendidikan (Maktab Anthony Abell, Seria); November 1983, Pegawai Pelaburan, Unit Penyelidikan, Jabatan Pelaburan, Agensi Pelaburan Brunei (BIA); Ogos 1988, Pegawai Pelaburan, Jabatan Pelaburan, BIA, Pejabat London; Julai 1994, Pegawai Pelaburan Kanan, Jabatan Pelaburan, BIA; September 1996, Pegawai Pelaburan Kanan, Jabatan Pelaburan, BIA, serta Pengurus Kanan dan Setiausaha Korporat, Syarikat Insurans *Audley Sdn. Bhd.*; Januari 2003, Timbalan Pengarah Am *Venture Capital* dan Jabatan Pelaburan Strategik (VSI), BIA; Mei 2003, Penolong Pengarah Urusan/Pengurus Am, (Penyelidikan dan Kemajuan Perdagangan (RBD) / *Venture Capital* dan Jabatan Agensi Pelaburan Strategik; April 2005, Penolong Pengarah Urusan Kanan - Pengurusan Aset Portfolio (Pengurusan Dana Luaran (EFM), Jabatan Pengurusan Dana Dalaman (IFM) dan *Venture Capital* serta Jabatan Pelaburan Strategik (VCSI) BIA; Jun 2006, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan ; Januari 2008, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan; dilantik sebagai Timbalan Menteri Kewangan, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR : Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan

TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI

Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof

Tarikh Lahir : 22 Jun 1956
Umur : 54 Tahun
Asal : Kampung Kilanas, Batu 8, Jalan Tutong

PENDIDIKAN AKADEMIK - Pusat Tingkatan Enam (Brunei Darussalam), Akademi Tentera Diraja Sandhurst (United Kingdom), Maktab Turus Tentera (Pakistan), Kolej Pengajian Pertahanan Diraja London (United Kingdom).
PENGALAMAN - 35 tahun perkhidmatan tentera.
BINTANG-BINTANG KEBESARAN - DPKT., SMB., Pingat Laila Tugas; Pingat Jubli Perak 25 Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ; Pingat Jubli Perak, Warga Kehormatan Komando Pasukan Khusus (Kopassus) Tentera Nasional Indonesia - Angkatan Darat, *Meritorius Service Medal (Military) Republic of Singapore (2002); Distinguished Service Order (Military) Republic of Singapore (2004);* Panglima Gagah Angkatan Tentera (Kelas Pertama)-Malaysia (2004); *Grand Meritorious Military Order, First Class* (Bintang Yudha Dharma Utama) Indonesia (2004); *Marine Corps Honorary Member of Indonesian National Armed Forces - Navy,* 2004; *Philippines Legion of Honor (Rank of Commander),* 2006; *Hilal-e-Imtiaz (Military) Pakistan,*2006; *The Command and Staff College (Quetta-Pakistan) Centenary Medal,2006; Honorary Pilot Wing (First Class), and Honorary Member of The Special Unit Corps, (Korpaskhas) Air Force of Indonesia's Armed Forces,*2006; *Honorary Member of 10th Para Brigade Malaysian Army (Airborne Wing),* 2007; *Philippines Legion of Honor (Rank of Grand Officer),* 2008.
JAWATAN DALAM KERAJAAN -Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia; dilantik sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR : Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia

TIMBALAN MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Yang Mulia Datin Dayang Hajah Adina binti Othman

Tarikh Lahir : 31 Mei 1955
Umur : 55 Tahun
Asal : Jalan Lubok, Jelutong, Kuala Belait

PENDIDIKAN AKADEMIK - *BA (Hons) Southeast Asian Studies / Law University of Kent, United Kingdom -1977; Post Graduate Certificate in Archives Administration University College, London* -1980.

PENGALAMAN - Naib Yang Dipertua 1 Majlis Kesejahteraan Masyarakat; Pengasas Persatuan Siswazah Wanita; *Decline in Moral Values among the Youth of Brunei Darussalam* penyelidikan bersama tiga orang lain, 2007, *'Breaking the Cycle of Poverty'* sebagai Pengerusi *Focus Group 3* yang mengendalikan penyelidikan - diselaraskan oleh Jabatan Perdana Menteri, 2007; *'Guide to Modern Archives and Manuscripts found in the United Kingdom relating to Brunei, Sabah and Sarawak'* diterbitkan dalam *Brunei Museum Journal*, Vol. 5 No. 1*98 Footnotes for R.N. Turner's 'An Account of my time as Assistant Resident in Brunei,* April/May 1940 - December, 1941' diterbitkan dalam *Brunei Museum Journal*, Vol. 5 No. 3, 1983; *'Directory of Museums in ASEAN'* - menyediakan sekmen Brunei dalam terbitan ASEAN COCI 1988.

BINTANG-BINTANG KEBESARAN - SMB., PSB., PKL, *Brunei Woman Leader in Civil Society* oleh *Asia Inc Forum, July 2009.*
JAWATAN DALAM KERAJAAN - April 2010, *Commissioner, ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children;* Oktober 2007 - Mei 2010, Pengarah Pembangunan Masyarakat; Jun 2003 - Oktober 2004, Pegawai Tugas-Tugas Khas, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) ; Januari 1992 - Januari 2003, Ketua Pegawai Hal Ehwal Belia dan Sukan, KKBS, Mei 1992-April 1992, Pegawai Tugas-Tugas Khas, KKBS, Disember 1997-April 1986; Kurator Arkib, Jabatan Muzium-Muzium; dilantik sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, 29 Mei 2010.

JAWATAN TERAKHIR : Pengarah Pembangunan Masyarakat.

Pelantikan Menteri-Menteri Kabinet

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Menteri Pendidikan.

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Haji Mohd. Yusof selaku Menteri Kesihatan.

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku Menteri Pembangunan.

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar selaku Menteri Perhubungan.

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar selaku Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim selaku Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri.

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng selaku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (Bersara) Dato Seri Paduka Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar selaku Menteri Tenaga (*Minister of Energy*) di Jabatan Perdana Menteri.

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman selaku Menteri Hal Ehwal Ugama.

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

BAGINDA berkenan mengurniakan Surat Pelantikan kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.